



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

## **KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

<b>AKHBAR</b>	<b>BERITA HARIAN</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	Projek naik taraf jalan jimat masa, beri keselesaan
<b>MUKA SURAT</b>	21

## Projek naik taraf jalan jimat masa, beri keselesaan *m/s-21*

**Kuala Selangor:** Projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT54 dari Sungai Buloh ke Assam Jawa, di sini, memberi kelegaan kepada penduduk setempat, selain meningkatkan mutu perhubungan di beberapa daerah.

Penduduk, Samsol Buyong, 70, berkata, pelepasan dan kerja naik taraf jalan yang dimulakan sejak empat tahun lalu itu dilihat mampu menjimatkan masa penduduk dan memberi keselesaan kepada pengguna.

“Sebelum ini, jalan hanya satu lorong dan kerap berlaku kesesakan serta kemalangan, terutama pada musim perayaan, tetapi dengan adanya pelepasan dan naik taraf ini, ia memudahkan penduduk bergerak dari satu tempat ke tempat lain dengan mudah, selain keadaan jalan berturap dan lebih selesa,” katanya yang menetap di Assam Jawa sejak 33 tahun lalu.

Katanya, meskipun jalan dinaik taraf, dia berharap pengguna jalan raya mematuhi peraturan, selain peka dan prihatin dengan keadaan sekitar.

“Kebanyakan rumah penduduk terletak di tepi jalan. Saya harap pemandu mengikut had laju ditetapkan dan tidak menyalahgunakan kemudahan



**Fadillah (kiri)** melawat projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT54 di Kuala Selangor, semalam.

(Foto BERNAMA)

disediakan,” katanya.

Berlainan pula dengan Muhammad Syahmi Syafiq Badron, 26, projek itu serba sedikit menyukarkan sebilangan penduduk yang menggunakan pengangkutan awam seperti bas untuk ke tempat kerja atau kawasan berhampiran.

“Sebelum projek bermula, penduduk mudah melintas ke seberang jalan, tetapi, bila projek siap, penduduk terpaksa mencari alternatif lain bagaimana hendak menaiki bas.

“Tambahan pula, penduduk takut melihat segelintir pengguna jalan raya yang seakan-akan tidak peduli dengan kawasan sekitar apabila membawa kenderaan dengan laju,” katanya.

Tambahnya, dia meluahkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada pihak berwajib yang memasang lampu isyarat di setiap persimpangan sepanjang laluan itu.

“Apabila lampu isyarat dipasang, perjalanan jadi lebih teratur,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadilah Yusof, berkata projek menaik taraf jalan itu dijangka akan siap sepenuhnya pada November ini dan jauh lebih awal daripada dijadualkan.

Beliau berkata, selain dapat disiapkan awal, projek membabitkan laluan sepanjang 25 kilometer itu berjaya mencatatkan penjimatan kos kira-kira sebanyak RM10 juta. **BH**

<b>AKHBAR</b>	<b>THE STAR (starmetro)</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	Soil settlement solution in sight
<b>MUKA SURAT</b>	1,2 starmetro

# Soil settlement solution in sight

JKR engineers to come out with remedial measures for Taman Teluk Gedung Indah low-cost flats in Port Klang

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

AFTER more than a decade of living in fear that their building would collapse, residents of Taman Teluk Gedung Indah (TTGI) low-cost flats in Port Klang, are hopeful that a solution can be found to the soil settlement issue.

Over the years, a huge gap began to form between the ground and bottom of the flats.

Resident William Selvernathan, 32, who had moved out from Taman Kem Rumah Panjang into the low-cost flats in August 2006 with his parents, said he had noticed hairline cracks and gradual soil settlement as far back as March 2008 in many units.

"As the months passed, the gap between the two blocks and the ground widened to about 45cm and this caused panic among those living here."

TTGI flats are sandwiched between Lorong Sama Gagah 18D and Sungai Klang. They were built to relocate some 150 families from Taman Kem Rumah Panjang where each unit was sold at RM42,000.

Unit owners had moved into TTGI in batches between 2004 and 2006.

MPK president Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin told *StarMetro* that the Public Works Department's (JKR) Geotechnical Forensic Division had done a thorough evaluation in March this year.

They had determined that the building was safe to live in.

"JKR engineers are in the midst of drafting up different strategies to stabilise soil settlement in the area," said Fadzli.

"Several suggestions are being discussed and a proposal on the solution will be forwarded to MPK."

MPK COB director Hani Suryati Abd Rahman clarified that the municipality only oversaw strata management but was

*m/s-1, 2*

now acting as facilitator to help owners resolve the soil settlement issue.

"Other than COB, the council's Engineering and Building departments are facilitators," she said.

"MPK has stepped in because the company that built TTGI flats cannot be traced and this situation involves people's lives," she said.

Fadzli, who had visited TTGI flats, said the JKR division had finalised soil investigations on the two blocks of five-storey walk-up flats.

"Based on the findings, a proposal on remedial measures will be firmed up but it will take some weeks.

"Once MPK receives Klang JKR's proposal, we will have to source for funds from the state to enable work to begin," he explained.

Hani said MPK had no allocation for rectification works for a private development, but the municipality would table Klang JKR's detailed proposal on costs and works needed to the Selangor State Economic Planning Unit (Upem), to obtain an allocation.

She confirmed that MPK COB had received more than 10 written complaints on the issue.

William said politicians, non-governmental organisations and MPK officers had been visiting residents since 2008, had taken note of the problem and made promises but nothing had happened so far.

He said there were a total of 200 units in the two blocks but only an estimated 70 units are occupied.

"More people had moved out over the years as they feared the building would collapse.

"But there are still many who stayed back and are forced to live under such circumstances because we are too poor and unable to get alternative housing," he said.

He complained that there was wastewater pouring out on the grounds and suspected that the sewage pipes and tanks had sunk.

He added that at times, an overpowering stench permeated the area.

William hoped this time, something would be done to fix the soil sinking problem once and for all.

Housewife Normala Mohamad, 40, said other than the soil settlement issue, there were several abandoned units on the top floor as a storm had blown off the roof above these units.

"Those units are in a dilapidated condition and filled with rubbish.

"There have been a number of dengue cases.





# Port Klang flats in dilapidated condition

> FROM PAGE 1

“We hope the Selangor government will approve the allocation to remedy the soil settlement, repair the roof and electrical wiring as well as give both blocks a fresh coat of paint,” Normala said.

Another resident, Ahmad Arif, 32, said soil settlement had left the building sitting on concrete slabs.

“We believe the slabs are now holding up the buildings,” he said.

Klang JKR district engineer Syaharidanisman Mohd Johanis said many buildings along Selangor’s coast suffered similar issues as they were built on marine soil like the TTGI flats.

“If the foundation is not stabilised, eventually the structural integrity of the building will be

compromised.

“I believe a possible method to address the problem is to inject cementitious grout into the weak marine clay beneath the foundation,” he said.

Syaharidanisman said Klang JKR should be able to submit the bill of quantities to MPK next month, including specific remedial work methods together with technical drawings as well as the tender documentation that would specify the cost of the project, so that MPK would be able to source for sufficient allocation.

He added that tender documentation would include the total rectification works for both blocks including new roofing, ceiling, electrical wiring, scupper drains, wider drainage, paintwork and repairs to broken sewage tanks and pipes.



Normala hopes the state government will do something to make the flats safe and habitable.



## KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)



AKHBAR	THE STAR (starmetro)
TAJUK BERITA	'Burger stall operators were warned'
MUKA SURAT	3

# 'Burger stall operators were warned'

Shah Alam council defends itself against videos alleging selective enforcement *m/s-3*

By BRENDA CH'NG  
brenda@thestar.com.my

SHAH Alam City Council (MBSA) is defending itself following viral videos accusing officers of penalising two stalls in Bandar Baru Sungai Buloh without taking action against others.

The person who filmed the two videos, claimed that two burger operators had their stalls confiscated by MBSA enforcement officers.

MBSA Corporate Communications head Shahrin Ahmad said the burger stalls and items were confiscated because the operators had failed to remove them after business hours.

"We had already advised them not to leave their belongings by the roadside as it was dangerous and an obstruction to road users," he explained.

The two videos also alleged that other stalls were involved in illegal activities.

The videos, which were six and 13 minutes long respectively, showed footage of roadside stalls allegedly run by foreigners selling cigarettes and of illegal gambling activities at a premises nearby.

"Next to the burger stall is one run by foreigners. On the stall front, it would look like they are

selling fruits and drinks, but they have actually been selling contraband cigarettes for years," he claimed in the video, adding that these stalls were not checked nor ordered to close.

The person also questioned the need to confiscate the burger stall when other food stalls along the same row were not penalised.

In the video, some stalls were seen set up on parking bays while others were by the roadside or on a pavement.

"Why is MBSA only disturbing youths selling burgers and not taking action against other stalls in the vicinity?

"There are stalls selling clothes by the roadside while some are occupying parking bays, but no action was taken," he added.

The person also claimed that the burger stall operators had adhered to recovery movement control order rules.

"The burger stalls followed the operating hours given and I have visual proof of other stalls operating past midnight.

"Where was enforcement then?" the person questioned.

Shahrin said MBSA enforcement officers had warned the burger stall operators twice over the last two months before seizing their items.

"Despite the warnings, they did not remove the stalls after completing business.

"Also during the recovery movement control order, they were found to be operating beyond midnight, which is not allowed," he pointed out.

He also highlighted that during the latest operation over the weekend, MBSA officers had shut a stall selling cigarettes and seized items.

As for the premises believed to be running gambling activities, Shahrin said MBSA would work with the police.

"If the allegations are true, necessary action will be taken," he added.



# KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)



AKHBAR	THE STAR (starmetro)
TAJUK BERITA	Flood mitigation work at Sg Buloh new village to start next year
MUKA SURAT	3

## Flood mitigation work at Sg Buloh new village to start next year *m/s-3*

By TRIONA LAW  
metro@thestar.com.my

KAMPUNG Baru Sungai Buloh residents flood woes are expected to end by next year with the plan to upgrade the entire drainage system there.

Selangor local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han said the Public Works Department (JKR) would begin the large-scale project next year in stages to resolve flash floods in the area.

"The drainage system in this area has created a lot of problems, as it has not been upgraded for many years, with many drains clogged," he said.

Residents have complained of floods in the area due to bad drainage.

Ng visited the construction site

of a partially collapsed drain under repair along Jalan Industri 9 at Kampung Baru Sungai Buloh.

Work on the 100m-long drain, including widening and reinforcing the walls, cleaning works, repairs to the feeding pipes and road widening began in July and is expected to be completed by the end of the month.

The state allocated RM800,000 for the repairs on the drain as well as the drainage system to combat floods.

Ng said it was a challenge to conduct upgrading works as the area was an unorganised heavy industrial zone with an unsystematic network of drains.

During the site visit, he was accompanied by Kota Damansara assemblyman Shatiri Mansor, JKR engineer Ilias Abdullah, Kampung Baru Sungai Buloh village head Hoo Sook Wan, village communi-



The collapsed drain along Jalan Industri 9, Kampung Baru Sungai Buloh is being repaired at a cost of RM800,000.

cations officer Tony Cheong and several Kampung Baru Sungai Buloh residents.

Ilias said JKR would conduct extensive checks on critical flood zones within Kampung Baru Sungai Buloh and upgrade as many drains as possible over the

next year.

Hoo said flooding had occurred in the area for 15 to 20 years and was grateful that JKR was taking action to fix the problem.

Nearby roads such as Jalan Welfare, Jalan Baru Sungai Buloh and Jalan Industri 10 were also

frequently flooded.

She recalled the worst floods on Nov 15, 2018, where the entire area was under water, damaging factories and homes.

There were even incidents of vehicles being swept away," said Hoo.



## KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)



AKHBAR	THE STAR (starmetro)
TAJUK BERITA	Community watch group revived to monitor MBPJ
MUKA SURAT	3

WITH rapid development and destruction of trees in several Petaling Jaya neighbourhoods, residents have revived a community watch to monitor the Petaling Jaya City Council and raise their concerns collectively.

Calling themselves “MBPJ Watch,” the social media group that was formed in 2018 for residents to respond to mega projects in Section 13 that they claimed impacted their quality of life.

The group was revived recently to act as a watchdog and had brought to light the destruction of trees along Jalan Universiti, Jalan 17/21 as well as other environmental issues.

Section 17 resident Tracy Toh, in a post, said the residents needed to band together to show MBPJ that it was not only one or two residents who objected to the felling of trees.

She said many trees had been chopped down in various areas of Petaling Jaya over the years.

However, several residents' report of nine trees having been cut down along Jalan Universiti on Aug 2 was found to be false.

MBPJ Zon 11 councillor Thayalan Krishnasamy confirmed that no more trees were felled since the end of July.

# Community watch group revived to monitor MBPJ m/s3



Several trees along Jalan Universiti were chopped down by the city council last month. — Filepic

Resident Rachel Soon had checked on the trees after reading the reports, and was thankful that the additional tree-felling turned out to be false alarm.

“I think people were quite sensitive to reports of tree cutting as there has been some questionable council action with nearby resi-

dents hearing chainsaw noises throughout the night, so there was some unfortunate jumping to conclusions,” said Soon.

She added that it was likely the chainsaw noises and fresh sawdust on the ground observed by residents were council workers removing the leftover tree stumps.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'Mahu buka mata pihak berkuasa'
MUKA SURAT	8

# 'Mahu buka mata pihak berkuasa'

m/s - 8

Asri Janggut mohon maaf, tiada niat menjadikan isu judi kontroversi

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

“**S**aya minta maaf kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan peniaga lain yang terkesan selepas beberapa pendedahan yang saya buat,” kata pemilik perniagaan Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid, 42.

Beliau mengakui tidak berniat menjadikan isu itu kontroversi sehingga tular di media sosial dan akibat itu juga, MBSA mengambil tindakan menyita barangan perniagaan peniaga kelmarin.

Mohd Asri mendakwa, pendedahan yang dilakukan bertujuan untuk membuka mata semua pihak mengenai aktiviti perjudian yang berlaku di kawasan Jalan Besar, Bandar Baru Sungai Buloh.

“Sebelum ini saya membuat laporan terus kepada bahagian Si-



Mohd Asri (dua dari kiri) bersama Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan (tiga dari kiri) ketika Facebook Live PPIM bertajuk *Penguatkuasa Pilih Bulu, Tohmahan atau Fitnah?* semalam.

asatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman malah saya sudah menyerahkan video yang menunjukkan kedai mesin judi beroperasi sehingga jam 3 pagi.

“Saya nampak premis itu kemudiannya ditutup dua hari sebelum ia beroperasi semula. Saya kemudian adukan lagi isu sama kepada bahagian Integriti Bukit Aman pula tetapi tiada tindakan, sebaliknya salah seorang pekerja saya didatangi oleh seorang wakil premis judi itu yang bertanyakan kenapa kami kacau perniagaan mereka,” katanya menerusi video Facebook Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bertajuk *Penguatkuasa Pilih Bulu, Tohmahan atau Fitnah?* yang di-

siarkan secara langsung semalam.

Terdahulu, dua video yang disiarkan secara langsung oleh pentadbir akaun Facebook Hot Burger Malaysia mendedahkan berkaitan aktiviti perjudian sekitar Jalan Besar, Bandar Baru Sungai Buloh serta aktiviti perniagaan yang diusahakan warga Indonesia keturunan Aceh yang menjual rokok seludup di situ. Mereka dikatakan 'kebal' kerana tidak pernah dikenakan sebarang tindakan.

Mohd Asri berkata, tidak cukup dengan itu, pemilik premis judi itu dilihat semakin melampau apabila menambah dua lagi premis baharu di sebuah kedai lot kosong dan satu lagi bersebelahan kedainya.





## KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Hubungan dengan penjaja jadi renggang
MUKA SURAT	2

**Sungai Buloh:** Tindakannya mendedahkan wujud premis judi dan gerai peniaga warga Aceh menjual rokok seludup di sekitar Jalan Besar Bandar Baru Sungai Buloh menyebabkan hubungan Mohd Asri Hamid dengan penjaja di situ renggang.

Mohd Asri berkata, tidak dapat dinafikan ada penjaja yang marah dengannya kerana mereka juga tidak dibenarkan berniaga oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) selepas pendedahan itu.

“Malah, ada penjaja memaklumkan mereka turut dikenakan kompaun atas pelbagai kesalahan dalam operasi dilakukan pihak MBSA pagi tadi (semalam).

“Dalam perkara ini, saya mohon maaf kepada semua penjaja yang terjejas kerana tidak dapat

# Hubungan dengan penjaja jadi renggang *m/s-2*

berniaga susulan pendedahan itu, Ia sama sekali tidak dirancang.

“Saya harap MBSA membenarkan penjaja di kawasan itu untuk berniaga semula seperti biasa,” katanya.

Mohd Asri ditemui ketika bersama Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainuddin yang membuat tinjauan di kawasan berkenaan petang semalam.

Sabtu lalu, Mohd Asri

membuat tiga siaran langsung di akaun Facebook Hot Burger Malaysia dengan mendakwa wujud beberapa premis judi serta gerai peniaga warga Indonesia keturunan Aceh yang menjual rokok seludup di sekitar Jalan Besar Bandar Baru Sungai Buloh.

Mohd Asri berkata, pendedahan itu adalah tidak dirancang, tetapi dibuat kerana rasa ‘cemburu’ terhadap tindakan MBSA yang dilihat berat sebelah.

**Sabtu lalu,  
Mohd Asri membuat  
tiga siaran langsung  
di akaun Facebook  
Hot Burger Malaysia**



## KERATAN AKHBAR 11 OGOS 2020 (SELASA)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Kes sudah diambil tindakan : Jais
MUKA SURAT	5

### *Kes sudah diambil tindakan: Jais m/s- 5*

**Kuala Lumpur:** Ajaran sesat baharu yang tular di media sosial kelmarin adalah kes lama yang berlaku pada 2016 dan 2018 serta sudah diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Pengarahnya, Mohd Shahzihan Ahmad berkata, ia adalah acara yang dianjurkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan rumah perlindungan bagi semua peringkat umur terutama kanak-kanak.

Katanya, NGO itu sering mengadakan program berbentuk kerohanian untuk ahlinya, selain terbuka kepada orang ramai yang berminat.

"Pada 14 Disember 2016,

Bahagian Penguatkuasaan Jais memantau acara Pure Life Society bertajuk Spiritual Musical Night di Dewan Sivik, Petaling Jaya yang dihadiri pelbagai kaum, peringkat umur dan agama.

"Acara itu dilihat menggabungkan tujuh agama atau pegangan yang berada di Malaysia iaitu Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikh, Bahai dan masyarakat Orang Asli.

"Sepanjang pemerhatian di lokasi memperlihatkan acara itu cuba membawa konsep *plurality* iaitu menggabung atau menyamaratakan semua agama dan pegangan di bawah satu pemikiran atau pegangan yang

baharu," katanya.

Mohd Shahzihan berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 berkaitan doktrin palsu.

Katanya, masyarakat Islam diminta menyalurkan maklumat kepada Jais sekiranya mendapati ada perkara atau aktiviti tentang agama Islam atau mengenai agama Islam yang bersifat eksklusif.

"Islam sifatnya inklusif, terbuka dan telus. Suatu yang bersifat selektif dan pelik mesti dimaklumkan kepada pihak berkuasa. Tiada cara mudah dalam Islam, semuanya mesti berdasarkan

ilmu pengetahuan yang benar dari guru yang diiktiraf oleh Jais," katanya.

Kelmarin tular di media sosial menerusi Facebook We Are All Firdaus Wong yang mendedahkan wujud sebuah kuil beralamat di Puchong dikatakan menjadi lokasi penganut ajaran agama itu berkumpul.

Ia menimbulkan persoalan banyak pihak yang mempersoalkan tindakan pihak berkuasa agama dalam menangani isu berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) akan menjalankan siasatan berhubung isu berkenaan.



ACARA yang menghimpunkan pelbagai agama cuba membawa konsep plurality.